

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 FEBRUARI 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Gempa bumi landa Tasik Kenyir	Kosmo
2	Tekanan air empangan dipercayai punca gegaran kecil berlaku	Kosmo
3	Tingkap, atap rumah bergegar	Berita Harian
4	Tasik Kenyir 'Meledak'	Kosmo
5	Bukan berpunca daripada aktiviti manusia	Kosmo
6	Orang ramai diminta tidak panik	Kosmo
7	Gegaran lemah	Kosmo
8	Kejadian gempa ketiga direkodkan	Sinar Harian
9	Kerajaan negeri akan pantau	Sinar Harian
10	Kuala Krai alami cuaca sejuk	Kosmo
11	Suhu sejuk perkara biasa	Sinar Harian
12	Amaran angin kencang timur laut sehingga isnin	Sinar Harian
13	Tasik Kenyir quake caused by volume of dam water	The Star
14	Tekanan dihasilkan air dalam Tasik Kenyir punca gempa bumi – Jabatan Meteorologi	Bernamea.com
15	Gempa Bumi: Tiada tanda kerosakan struktur empangan Kenyir	Bernamea.com
16	Gempa bumi sederhana di Halmahera, Indonesia	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 25 FEBRUARI 2016 (KHAMIS)

Ribuan penduduk cemas selepas rasai gegaran, bunyi kuat beberapa saat

Gempa bumi landa Tasik Kenyir

Oleh SHAWKATH AZDE

HULU TERENGGANU - Ribuan penduduk di beberapa buah kampung berhampiran Tasik Kenyir di sini dikejutkan dengan kejadian gempa bumi malam kelmarin.

Gegaran itu berlaku selama beberapa saat dan turut dirasai oleh penduduk di Kuala Berang, Kampung Pueh, Gaung Kepah, Dusun, Jenagor, Batu Belah, Kuala Dura dan Kuala Ping.

Kejadian itu dianggap misteri memandangkan Tasik Kenyir tidak terletak dalam kawasan yang sering dilanda gempa. Malah, difahamkan berlaku kejadian yang menimbulkan tanda tanya dalam kalangan penduduk termasuk fenomena banyak ikan muncul di permukaan air manakala bahagian hulu sungai mula kering sejak beberapa bulan lalu.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, gempa bumi berukuran 2.7 pada skala Richter itu dikesan di Tasik Kenyir pada pukul 9.25 malam kelmarin tetapi tiada amaran tsunami dikeluarkan.

Pusat gempa bumi itu terletak pada kedudukan 5 darjah utara dan 102.9 darjah timur, iaitu 16 kilometer dari pekan Kuala Berang.

Seorang penduduk Kampung Kuala Dura, Mazarah Abu Bakar, 45, memberitahu, ketika kejadian dia baru selesai mengerjakan solat Isyak apabila rumahnya tidak semena-mena bergegar seperti ada beberapa orang sedang naik ke atas bumbung.

Bercerita lebih lanjut, katanya, pada mulanya dia beranggapan gegaran tersebut disebabkan kejadian tanah runtuh.

"Pagi ini (semalam) selepas tengok WhatsApp baru saya



GEGERAN akibat gempa bumi yang berlaku di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu malam kelmarin turut dirasai penduduk di Kuala Berang.



CEK Khaliyah



SITI Roslina



MAZARAH

tahu ada kejadian gempa bumi," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Seorang suri rumah di Kampung Jenagor, Siti Roslina Hamzah, 27, pula mendakwa kipas di rumahnya tiba-tiba bergoyang sebelum dia terasa beberapa gegaran kecil.

"Sejak menetap di kampung ini enam tahun lalu, inilah kejadian gempa bumi pertama pernah saya rasai," katanya.

Seorang lagi penduduk kampung berkenaan, Mazli Mamat, 38, berkata, dia terdengar bunyi dentuman seperti guruh atau bunyi sebuah kapal terbang melin-

tasi rumah.

Dalam pada itu, Ketua Polis Terengganu, Datuk Rosli Ab. Rahman meminta orang ramai tidak menyebarkan spekulasi hingga mencetuskan suasana panik berhubung insiden gempa bumi itu.

Sementara itu, Tenaga Nasional Berhad dalam satu kenyataan menyatakan, pemeriksaan awal di Empangan Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud di Tasik Kenyir mendapati tiada sebarang kesan fizikal yang mungkin menjejaskan kestabilan empangan itu akibat gempa bumi tersebut.



EMPANGAN Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud di Tasik Kenyir tidak terjejas dengan kejadian gempa bumi berskala 2.7 pada skala Richter.

INFO Tasik Kenyir

- Tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara dengan keluasan 260,000 hektar dan mengandungi 340 pulau kecil.
- Terletak di hulu Sungai Kenyir, Hulu Terengganu.
- Destinasi pelancongan popular di Terengganu.
- Siap dibina pada tahun 1988.
- Menempatkan Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud yang juga dikenali Empangan Kenyir.
- Mampu menampung air sebanyak 13,600 juta meter padu.

Pusat gempa bumi di Tasik Kenyir



KERATAN AKHBAR KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 2 TARIKH: 25 FEBRUARI 2016 (KHAMIS)

Tekanan air empangan dipercayai punca gegaran kecil berlaku

KUALA TERENGGANU - Gempa bumi yang berlaku di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu dekat sini malam kelmarin berpunca daripada tekanan yang dihasilkan air di dalam Empangan Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud, menurut Jabatan Meteorologi Malaysia.

Timbalan Ketua Pengarah Strategi dan Teknikal jabatan itu, Dr. Rosaidi Che Abas berkata, daya yang terhasil daripada air dalam empangan itu menyebabkan batubatan di sekitar empangan itu melepaskan tenaga dan menghasilkan gegaran kecil.

"Ini bukan kali pertama gegaran kecil berlaku di kawasan empangan berkenaan. Malah gegaran yang berlaku kelmarin adalah yang ke-27 selepas gegaran kali pertama berukuran 4.6 pada skala Richter berlaku di kawasan berkenaan pada 32 tahun lalu.

"Sehubungan itu, penduduk setempat



MOHAMAD ALI



MOHD. ROSAIDI



ROZI

tidak perlu risau kerana ia hanya gegaran lemah yang tidak akan memberi kesan ke atas kawasan berkenaan," katanya ketika dihubungi *Bernama* di sini semalam.

Seorang pakar geologi, Prof. Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hasan pula berkata, kejadian pergerakan tanah di sekitar Tasik Kenyir pernah berlaku sebelum ini yang menyebabkan beberapa gegaran kecil yang dirasai penduduk sekitar dalam tempoh 30 tahun lalu.

"Bagaimanapun, sukar untuk diramalkan

berapa lama gegaran susulan itu akan berlanjutan kerana ia bergantung kepada beberapa faktor termasuk kadar pemulihan tanah sepanjang garisan pertembungan," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Telemong, Rozzi Mamat berkata, kejadian gempa bumi itu tidak boleh dipandang ringan memandangkan kejadian tersebut dikatakan pernah berlaku pada tahun 1984 iaitu sewaktu empangan tersebut masih dalam pembinaan.

Katanya, beliau akan mengusulkan kepada kerajaan negeri supaya melakukan kajian saintifik berhubung kejadian itu dan mengambil langkah persediaan bagi menjamin keselamatan semua pihak terutamanya penduduk.

Info Solat						
25 FEBRUARI 2016						
16 JAMADILAWAL 1437H						
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISRA
K. LUMPUR	6:09	7:24	1:29	4:46	7:29	8:39
SHAH ALAM	6:09	7:24	1:29	4:46	7:29	8:39
SEREMBAN	6:07	7:24	1:28	4:43	7:28	8:38
MELAKA	6:06	7:23	1:27	4:42	7:28	8:37
JOHOR BAHRU	6:00	7:16	1:21	4:36	7:22	8:32
IPOH	6:12	7:26	1:32	4:49	7:31	8:41
P. PINANG	6:15	7:30	1:34	4:52	7:33	8:43
ALOR SETAR	6:16	7:31	1:34	4:52	7:32	8:42
K. TERENGGANU	6:04	7:21	1:23	4:40	7:22	8:31
KOTA BHARU	6:12	7:25	1:27	4:45	7:25	8:31
KUANTAN	6:03	7:20	1:24	4:40	7:24	8:33
KANGAR	6:16	7:33	1:34	4:52	7:32	8:42
TAWAU	5:05	6:22	12:25	3:42	6:24	7:34
KOTA KINABALU	5:12	6:29	12:31	3:49	6:30	7:39
KUCHING	5:35	6:51	12:56	4:11	6:57	8:06
MIRI	5:20	6:37	12:40	3:56	6:40	7:49

*B. TERENGGANU: Kuantan sewaktu dengannya

GEMPA BUMI LEMAH DI TASIK KENYIR

Tingkap, atap rumah bergegar

» Gegeran 2.7 skala Richter kali ketiga berlaku sejak tahun 1980

Oleh Fitri Nizam
bhkt@bh.com.my

► Kuala Berang

"Tak sangka kejadian pada tahun 1980 berulang kembali, namun kami sekeluarga bersyukur kerana gegeran itu tidak mendatangkan kemudaratan," kata Rahana Deraman, 49, penduduk Kampung Dusun, di sini.

Menceritakan detik cemas merasai gegeran akibat gempa bumi lemah di Tasik Kenyir malam kelmarin, Rahana berkata, dia sekeluarga menyangka gegeran itu berpunca daripada musang yang melompat di atas atap rumahnya, namun sangkaan itu meleset sama sekali.

"Ketika gegeran berlaku, saya sekeluarga menonton televisyen di ruang tamu rumah. Pada mulanya kami menyangka ia berpunca daripada musang yang melompat di atas atap, tetapi apabila teringat kejadian tahun 1980, kami jadi panik.

"Kejadian berlaku sekitar jam 9.30 malam itu mengakibatkan tingkap dan atap rumah bergegar. Selang dua minit kemudian, sekali lagi gegeran dirasakan lebih kurang 10 saat," katanya ketika ditemui



Keadaan di Pusat Hidro Elektrik Sultan Mahmud, Jenagor seperti biasa selepas berlaku gempa bumi di Tasik Kenyir, semalam.

[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]



Rahana Deraman

di rumahnya yang tidak jauh dari Empangan Kenyir, di sini.

Gempa bumi lemah berukuran 2.7 skala Richter itu dilaporkan berlaku oleh Jabatan Meteorologi Malaysia kira-kira jam 9.25 malam kelmarin di 16 kilometer barat daya Kuala Berang pada kedalaman 10 kilometer.

Gegeran itu dapat dirasakan

penduduk sekitar Kuala Berang terutama yang duduk di kawasan berhampiran empangan terbabit.

Gegeran sekejap sahaja

Seorang lagi penduduk Kampung Kuala Dura yang terletak hanya dua kilometer dari empangan itu, Mazarah Abu Bakar, 45, berkata dia dan anaknya menyangka gegeran itu akibat kerosakan di kawasan tadahan air berkenaan.

"Kejadian berlaku dengan agak pantas dan gegeran yang dirasakan itu sekejap saja. Saya ingatkan empangan itu mengalami kerosakan, tetapi apabila dimaklumkan ia adalah gempa bumi, kami sekeluarga terkejut," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Meteorologi Terengganu, Jenuwa Husin berkata, gempa bumi itu kali ketiga berlaku di kawasan berkenaan

sejak tahun 1980, yang dipercayai berpunca daripada pelepasan gas tektonik dari garis sasar atau garisan gempa bumi.

"Gegeran direkodkan ketika itu ialah 4.6 skala Richter dan yang terkuat pernah dicatatkan di negeri ini. Kali kedua ia berlaku pada Mac 2010 pada ukuran 2.6 skala Richter.

"Orang ramai tidak perlu panik dengan keadaan ini kerana gempa bumi itu sangat lemah dan tidak membahayakan orang awam atau harta benda mereka," katanya.

Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Terengganu, Amirsarifudin Zalman pula berkata, pihaknya tidak mendapat sebarang laporan berhubung kerosakan harta benda mahupun kemalangan jiwa akibat gempa bumi berkenaan.

TASIK KENYIR 'MELEDAK'

■ Penduduk Kuala Berang gempa bumi berskala 2.7 magnitud

Oleh Kaddy Harun
am@metro.com.my
Hulu Terengganu

"Saya sangka musang melompat selepas bunyi meletup-meletup, tetapi rupa-rupanya ia kesan gegaran akibat kejadian gempa bumi," kata Rahana Deraman, 49, dari Kampung Dusun, di sini, mengesan kesan yang ditasai daripada kejadian gempa bumi berlaku di Tasik Kenyir, malam kelmarin.

Menurutnya, tingkap rumahnya turut bergetar selama 10 saat dalam dua kejadian yang berselang kira-kira dua minit itu.

Katanya, dia menyedari kejadian itu apabila dimaklumkan saudara mengenai kejadian gempa bumi yang berlaku di Tasik Kenyir dan menyebabkan dia sekeluarga mula panik berikutan kedudukan rumah mereka hampir dengan empangan terbabit.

"Alhamdulillah kejadian itu, saya tidak lena tidur kerana bimbang keselamatan namun selepas mendengar keadaan terkawal baru saya dapat melepaskan mata."

"Syukur kerana tiada kejadian tidak diingini berlaku dan ketika gegaran berlaku saya bersama keluarga sedang menonton televisyen," katanya.

Menurutnya, kejadian seperti itu pernah berlaku pada 1980-an dan ia kali kedua dia merasai situasi sedemikian.

Dalam kejadian jam 9.25 malam itu, gempa bumi lemah 2.7 magnitud dilaporkan berlaku pada kedalaman 10 kilometer di 16 kilometer barat daya Kuala Berang.

Kejadian itu menyebabkan kesan gegarannya di rasai di beberapa kawasan sekitarnya termasuk Kuala Pueh, Jenagor, Kuala Ping dan FELCRA Bukit Kepah.

Seorang lagi penduduk, Rohana Hitam, 47, berkata, kejadian itu berlaku ketika dia sedang beribadat di rumah bersama empat ahli keluarganya.

"Gegaran berlaku dalam beberapa saat sebelum meminta anak yang berusia 13 tahun untuk melancarkan azan. Sebelum itu, saya terdengar bunyi dentuman tapi pada jarak jauh seolah-olah seperti tanah runtuh."

"Ketika itu saya duduk di lantai dan sedang berbual dengan keluarga sebelum terasa kesan gegaran dan terus berdoa supaya tiada lagi gegaran susulan," katanya yang tinggal di Kampung Padang Tara, di sini.

Menurutnya, dia mengetahui gegaran itu merupakan gempa bumi pada pagi semalam melalui perbualan penduduk setempat.

Mazarah Abu Bakar, 45, dari Kampung Kuala Dura, pula berkata, rumahnya terletak kira-kira dua kilometer dari empangan Tasik Kenyir.

"Anak perempuannya berusia sembilan tahun beritahu dia berasa seperti ada gegaran ketika berada di dalam biliknya."

"Macam bunyi atap bergetar dan mulanya hanya menyangka ia kesan daripada aktiviti di tasik dan saya mengetahui mengenai kejadian gempa bumi pada pagi tadi menerusi laman sosial," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba Kuala-Berang Zamri Omar berkata, pihaknya membuat pemantauan dari semasa ke semasa susulan daripada kejadian gempa berskala kecil di kawasan terbabit.

"Kita meminta orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi mengenai gegaran itu kerana ia boleh mengundang panik kepada penduduk di setempat," katanya.

"Macam bunyi atap bergetar dan mulanya hanya menyangka ia kesan daripada aktiviti di tasik dan saya mengetahui mengenai kejadian gempa bumi pada pagi tadi menerusi laman sosial"

Mazarah Abu Bakar



SAMBUNGAN...
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 111
TARIKH: 25 FEBRUARI 2016 (KHAMIS)

FOTO: RIZANAH ZAKARIA

KEADAAN di Pusat
Hidro Elektrik
Sultan Mahmud,
Jenagor seperti
biasa selepas
dilanda gempa
bumi.



Bukan berpunca daripada aktiviti manusia

Kuala Terengganu: Jabatan Meteorologi Malaysia menafikan gegaran berlaku di Tasik Kenyir, malam kelmarin adalah berpunca daripada aktiviti manusia yang dijalankan di kawasan berkenaan seperti yang viral di laman sosial.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Terengganu Jenuwa Husin berkata, gegaran yang berlaku itu adalah disebabkan kejadian gempa bumi dipercayai terjadi disebabkan pelepasan gas tektonik dari garis

dasar atau garisan gempa bumi.

"Orang ramai juga tidak perlu timbulkan situasi panik kerana gegaran yang dirasai malam tadi (kelmarin) itu sangat lemah," katanya.

Menurutnya, jabatan itu memang mengesan berlaku satu gegaran kecil berukuran 2.7 magnitud berlaku di Tasik Kenyir jam 9.25 malam.

Katanya, berdasarkan laporan gegaran itu dikesan berlaku di 16

kilometer barat daya daerah Kuala Berang pada kedalaman 10 kilometer.

"Kejadian gempa bumi lemah yang berlaku di Tasik Kenyir itu adalah yang ketiga dikesan di kawasan berkenaan dalam tempoh 36 tahun.

"Berdasarkan rekod jabatan, gempa bumi pertama direkodkan berlaku di kawasan berkenaan adalah sekitar 1980-an ketika proses mengisi air di empangan

terbabit Tasik Kenyir," katanya.

Menurut Jenuwa, dalam kejadian terbabit gegaran yang direkodkan adalah sekuat 4.6 magnitud dan juga yang terkuat pernah dicatatkan di negeri itu.

Katanya, kejadian kedua pula dikesan pada Mac 2010 yang berpusat pada 43 kilometer barat daya Kuala Terengganu dan 22 kilometer barat Kuala Berang menyebabkan gegaran sekuat 2.6 skala magnitud.

Kuala Terengganu

**Orang
ramai diminta
tidak panik**

Orang ramai diminta tidak panik dengan kejadian gempa bumi 2.7 magnitud yang berlaku di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu kelmarin.

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) akan memantau lokasi berkenaan dan orang ramai tidak perlu bimbang kerana gegaran yang berlaku pada jam 9.25 malam itu sangat lemah.

"Saya juga sudah menerima laporan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan tidak ada apa-apa kesan kerana empangan kita tidak terjejas dan beroperasi seperti biasa pada hari ini.

"Gempa yang berlaku ini mungkin mengulangi apa yang pernah berlaku 35 tahun yang dulu selain ia mungkin terjadi disebabkan pelepasan gas tektonik dari garis sasar atau garisan gempa bumi di Terengganu," katanya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 25 FEBRUARI 2016 (KHAMIS)

Kuala Terengganu

Gegaran lemah

Kejadian gempa bumi yang berlaku di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu berbeza sifatnya berbanding yang berlaku di kawasan Lingkaran Api Pasifik seperti di Sumatera, Indonesia dan tidak mendatangkan bahaya kerana gegarannya lemah.

Pengarah Pusat Geokejuruhan Tropika Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Prof Dr Edy Tontozam Mohamad berkata, sifat gempa yang berlaku itu berlainan dengan kawasan di Lingkaran Api Pasifik.

Menurutnya, orang ramai tidak perlu bimbang kerana kawasan yang dapat merasainya terhadap iaitu sekitar lokasi gempa serta tidak memberi kesan besar.

Katanya, kejadian itu berkemungkinan berlaku disebabkan berlaku peralihan batuan dalam bumi disebabkan tekanan air di kawasan empangan terbabit.

"Bawah kawasan empangan berkenaan mempunyai pelbagai batuan seperti granit, kapur, pasir dan lumpur yang lama-kelamaan akan beralih disebabkan bebanan takungan air.

"Ia akan menyebabkan berlakunya rekahan sekali gus terjadinya gegaran di kawasan terbabit tetapi ia hanya dalam keadaan skala kecil," katanya ketika diminta mengulas mengenai kejadian gempa bumi yang berlaku di Tasik Kenyir, malam kelma-

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (GEMPA BUMI) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 25 FEBRUARI 2016 (KHAMIS)

Kejadian gempa ketiga direkodkan

KUALA TERENGGANU

- Kejadian gempa bumi lemah yang berlaku di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu, malam kelmarin, adalah yang ketiga direkodkan sejak 36 tahun lalu.

Pengarah Jabatan Meteorologi Negeri Terengganu, Jenuwa Hussin berkata, berdasarkan rekod Jabatan Meteorologi Malaysia, gempa bumi pertama direkodkan di kawasan berkenaan pada 1980, ketika proses pengisian air di Empangan Tasik Kenyir.

Menurutnya, gegaran yang direkodkan ketika itu adalah 4.6 skala Richter iaitu yang terkuat pernah dicatat di negeri ini.

Manakala, kali kedua gempa bumi dikesan adalah pada Mac 2010, yang menyebabkan gegaran sekuat 2.6 skala Richter



JENUWA

berpusat di 43 kilometer barat daya Kuala Terengganu dan 22 kilometer barat Kuala Berang.

"Malam tadi (kelmarin), Jabatan Meteorologi mengesan satu gegaran kecil berukuran 2.7 skala Richter di Tasik Kenyir, kira-kira jam 9.25 malam.

"Berdasarkan laporan, gegaran itu dikesan berlaku di 16 kilometer barat daya daerah Kuala Berang pada kedalaman 10 kilometer dan boleh dirasai di sekitar lokasi terbabit," katanya.

Beliau berkata, gegaran berpunca daripada tekanan dihasilkan air di dalam empangan itu di mana daya yang terhasil daripada air dalam empangan itu menyebabkan batu-batan di sekitar empangan melepaskan tenaga dan menghasilkan gegaran kecil itu.

Kerajaan negeri akan pantau

KUALA TERENGGANU – Kerajaan negeri menerusi jabatan terlibat akan menjalankan pemantauan dari masa ke semasa susulan kejadian gempa bumi lemah yang berlaku di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu, malam kelmarin.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, berdasarkan laporan diterima, kejadian gempa bumi itu bukan yang pertama berlaku di kawasan berkenaan, malah telah masuk kali ketiga buat masa ini.

"Gegaran di Tasik Kenyir itu adalah gegaran yang lemah dengan 2.7 magnitud skala richter dan saya telah menerima laporan dari Tenaga Nasional Berhad (TNB) bahawa gegaran itu tidak meninggalkan sebarang kesan buruk dan keseluruhan empangan di situ tidak terjejas dan beroperasi seperti biasa.

"Gempa yang berlaku bukan sekali, ini kali ketiga dan yang pertama pernah berlaku pada 1980, berlaku skala 4.6 skala Richter ketika pengisian empangan, kedua berlaku pada 2010 dengan 2.6 skala Richter dan kita merasakan, ini dari segi kemungkinan yang dimaklumkan kepada saya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Beautiful



AHMAD RAZIF



MOHD ZAMRI

Terengganu 2016 di Wisma Darul Iman, semalam.

Menurut Ahmad Razif, kejadian yang berlaku kali ini mungkin rentetan kejadian yang pernah berlaku sejak 35 tahun dulu.

"Bagaimanapun, kita harap orang ramai tidak khuatir dan panik kerana pihak kerajaan akan sentiasa menjalankan pemantauan. **Jabatan Meteorologi Malaysia cawangan Terengganu** akan pantau apa yang berlaku daripada masa ke semasa," katanya.

Dalam pada itu, pemantauan dan pemeriksaan dijalankan pihak Bomba dan Penyelamat di kawasan sekitar dan Empangan Kenyir mendapati tiada lokasi terjejas atau sebarang kerosakan akibat gegaran susulan gempa bumi di Tasik Kenyir, malam kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Berang, Penolong Penguasa Bomba Mohd Zamri Omar berkata, pemantauan dari semasa ke semasa secara berterusan turut dilaksanakan pihaknya berhubung perkara tersebut.

"Kami telah jalankan pemeriksaan di beberapa lokasi dan mendapati tiada kawasan terjejas termasuklah di Empangan Kenyir. Penduduk serta orang ramai diharapkan tidak perlu bimbang kerana tiada sebarang kerosakan didapati.

"Kita juga tidak menerima sebarang laporan daripada orang awam berhubung perkara itu. Orang ramai juga diharapkan tidak membuat sebarang andaian berhubung gegaran tersebut," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 25 FEBRUARI 2016 (KHAMIS)

Penduduk tidur pakai baju tebal kerana suhu mencecah 19 darjah Celsius

Kuala Krai alami cuaca sejuk

Oleh ROSMIZAN RESDI

KUALA KRAI – Fenomena cuaca sejuk 'luar biasa' yang melanda jajahan ini pada tahun lalu selepas berlakunya bah kuning sekali lagi dirasakan penduduk di kawasan tersebut bermula Ahad lalu.

Namun, cuaca sejuk antara 19 hingga 22 darjah Celsius itu hanya dirasakan tiga hari sebelum suhu itu kembali normal semalam.

Malahan cuaca sejuk yang dialami pada Ahad hingga Selasa lalu itu juga hanya boleh dirasakan pada waktu lewat tengah malam hingga awal pagi.

Suhu di hampir semua jajahan Kuala Krai bagaimanapun berubah menjadi panas dan kering sehingga mencapai 30 darjah Celsius menjelang waktu tengah hari pada Ahad, Isnin dan Selasa lalu.

Rata-rata penduduk mendakwa cuaca sejuk, berangin dan berkabus dalam tempoh tiga hari itu yang berlaku pada sebelah

malam dan waktu pagi tersebut menyebabkan mereka terpaksa tidur dengan berbaju sejuk dan bersemitut tebal.

Ada antara penduduk mendakwa, perubahan suhu itu telah menjejaskan kesihatan mereka khususnya warga emas dan kanak-kanak.

Seorang penduduk dari Kampung Tengah di sini, Rosidah Mat Shah, 50, berkata, seperti tahun lalu, cuaca sejuk sekali lagi melanda daerah ini terutamanya pada sebelah malam bermula hari Ahad dan Selasa lalu.

"Menjelang waktu tengah malam kami berasa sejuk luar biasa manakala waktu pagi akan kelihatan kabus.

"Keadaan sejuk ini tidak lama apabila menjelang pukul 9 pagi cuaca mula panas," kata ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Bagi Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Pemberian di sini, Zulkifli Omar berkata, perubahan



FENOMENA suhu sejuk luar biasa yang melanda Kuala Krai pada Selasa lalu menyebabkan keadaan berkabus pada waktu pagi.

cua sejuk sejak beberapa hari lalu didakwa menjejaskan kesihatan segelintir penduduk.

"Ramai yang tidak tahan dengan perubahan cuaca yang sejuk menyebabkan ada dalam kalangan warga emas dan kanak-kanak demam, selesema dan batuk," katanya.

Mohd. Sayuti Abd. Ghani, 48, berkata, fenomena cuaca sejuk dan berangin cukup dirasakan menjelang awal pagi.

"Anak-anak yang bersiap untuk ke sekolah turut merungut untuk mandi kerana tidak tahan dengan rasa sejuk," katanya dengan memberitahu dalam tempoh tiga

hari lalu, keluarga tidak pasang kipas.

Liza Ahmad, 51, pula berkata, fenomena cuaca sejuk yang melanda jajahan Kuala Krai sejak Ahad lalu tidak pelik kerana tahun-tahun sebelum ini kebiasaannya selepas Tahun Baru Cina ia memang sejuk.

"Kuala Krai dikelilingi dengan hutan tebal malah perubahan arah angin akan membawa suhu sejuk dari hutan ke sini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan, Magrur Fadli Mohd. Fahmi berkata, pada bulan ini, suhu tendah yang direkodkan di dae-

INFO Suhu dicatatkan di Kuala Krai

Ahad (21/2/2016) - 19.4 Celsius
Isnin (22/2/2016) - 20.2 Celsius
Selasa (23/2/2016) - 22.0 Celsius

Cuaca sejuk melanda Kuala Krai
Suhu minimum 19.4 darjah Celsius
Keratan Kosmo! 19 Januari 2015.

ra Kuala Krai mencecah 19 darjah Celsius.

"Perubahan suhu ini hanya dicatatkan pada sebelah malam dan awal pagi kerana bila waktu tengah hari cuaca berubah menjadi panas dan kering," kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.

Jajahan Kuala Krai pernah mencatatkan suhu serendah 17.5 darjah Celsius pada 2014 dan suhu minimum 19.4 darjah hingga maksimum 30.5 darjah Celsius pada waktu siang hari pada Januari 2015.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 52
TARIKH : 25 FEBRUARI 2016 (KHAMIS)

Suhu sejuk perkara biasa

KOTA BHARU – Suhu semasa di beberapa daerah utama di Kelantan dicatatkan lebih rendah berbanding suhu kebiasaannya selepas musim tengkujuh pada awal Disember setiap tahun.

Suhu semasa yang dicatatkan awal pagi semalam menunjukkan bacaan serendah 19 darjah celsius iaitu hampir sama dengan suhu yang dicatatkan iaitu 17 celsius di beberapa daerah di sini pada awal Februari tahun lalu.

Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan, Maqrum Fadzli Mohd Fahmi berkata, Februari memang mencatatkan suhu rendah berbanding dari kebiasaannya terutama di kawasan-kawasan berbukit di Kelantan.

“Di antara kawasan yang terlibat ialah Kuala Krai, Gua Musang, Jeli, memang ia perkara biasa dan akan berlaku setiap tahun. Salah satu sebabnya ialah awan yang berkurangan pada waktu malam dan ia akan menyebabkan suhu dilepaskan dari bumi lebih cepat,” katanya.

Menurutnya, suhu rendah tersebut biasanya berlaku di awal pagi namun ia akan kembali kepada biasa sekitar 24 hingga 32 darjah celsius menjelang siang (tengah hari).

Beliau juga memberitahu, di antara faktor yang menyebabkan suhu rendah tersebut adalah disebabkan angin sejuk yang dibawa oleh negara-negara luar yang kini sedang mengalami musim sejuk.

“Itu salah satu elemen cuaca yang berlaku pada bulan Februari, tapi hanya sekejap sahaja. Kebiasaannya pada bulan Februari sahaja. Mac, April, biasanya suhu minimum akan kembali seperti bulan-bulan lain,” katanya.

Amaran angin kencang timur laut sehingga Isnin

KUALA LUMPUR - Angin kencang timur laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sarawak, Labuan dan Sabah (pedalaman, pantai barat dan Kudat) sehingga Isnin depan.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan semalam berkata, cuaca sama turut dijangka berlaku di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South, Kuching, Palawan dan Labuan.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut," kata kenyataan itu.

Sementara itu, jabatan itu juga mengeluarkan amaran angin kencang

dan laut bergelora kategori kedua dengan kelajuan 50 hingga 60 kmsj serta ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter sehingga Isnin depan.

"Ia dijangka berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North dan Layang-Layang. Keadaan itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri," katanya.

Angin kencang timur laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Sulu bermula Khamis ini hingga Isnin depan.

Jabatan itu berkata, keadaan itu adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.
-Bernama

Tasik Kenyir quake caused by volume of dam water

PETALING JAYA: The 2.7 magnitude earthquake at Tasik Kenyir was not a natural occurrence but an induced seismicity quite common in a large and deep artificial lake, said Meteorological Department deputy director-general Dr Mohd Rosaidi Che Abbas.

While the earthquakes in Ranau last year and the more recent one in Lahad Datu were natural occurrences, he said the tremor in Tasik Kenyir in Terengganu on Tuesday night was caused by pressure due to the volume of water in the dam.

The earthquake, at a depth of 10km, was detected at about 9.25pm and the tremors were felt in Kuala Berang, almost 20km away.

Tasik Kenyir is an artificial lake created in 1985 by the damming of the Kenyir River.

The lake provides water to the Sultan Mahmud Power Station. It is also the largest man-made lake in South-East Asia with an area of 260,000ha.

Head of Tsunami Early Warning System section Irene Eu said since the dam was built, there have been a series of earthquakes, though these were minor tremors.

Tenaga Nasional Berhad (TNB), in a statement, said a preliminary inspection of the Kenyir Dam revealed no physical impact or signs of structural damage that could affect the dam's stability and integrity.

However, it said, a thorough inspection of the dam and its associated facilities was being carried out.

A coffee-shop owner in Kampung Kuala Dura, some five kilometres from Tasik Kenyir, told *The Star* that he heard a booming sound, as if dynamite was being used to blow a quarry.

"It was loud, and it came from the dam area. The sound caused the ground where I was standing to shake for about three seconds," said Zulkifli Halim, 35.



Tekanan Dihasilkan Air Dalam Tasik Kenyir Punca Gempa Bumi - Jabatan Meteorologi



Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud, Kenyir (Gambar Bernama)

KUALA TERENGGANU, 24 Feb (Bernama) -- Gempa bumi lemah yang berlaku di kawasan Empangan Tasik Kenyir pada Selasa malam berpunca daripada tekanan dihasilkan air di dalam empangan itu, menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

[Timbalan Ketua Pengarah Strategi dan Teknikal jabatan itu Dr Rosaidi Che Abas](#) berkata daya yang terhasil daripada air dalam empangan itu menyebabkan batu batan di sekitar empangan melepaskan tenaga dan menghasilkan gegaran kecil itu.

"Ini bukan kali pertama gegaran kecil berlaku di kawasan empangan berkenaan. Malah gegaran yang berlaku semalam adalah yang ke-27 selepas gegaran kali pertama berukuran 4.6 pada skala Richter berlaku di kawasan berkenaan pada tahun 1984.



Dr Rosaidi Che Abas

"Sehubungan dengan itu penduduk setempat tidak perlu risau kerana ia hanya gegaran lemah yang tidak akan memberi kesan kepada kawasan berkenaan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini Rabu.

Gempa bumi lemah berukuran 2.7 pada skala Richter dikesan di Tasik Kenyir dan gegaran boleh dirasai di Kuala Berang pada 9.25 malam tadi.

Pusat gempa bumi itu terletak di 5 darjah Utara dan 102.9 darjah Timur, iaitu 16 km Barat Daya dari Kuala Berang.

Tasik Kenyir adalah tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara dengan keluasan 260,000 hektar.

Ditanya sama ada kemungkinan gegaran kecil tersebut akan berulang, Dr Rosaidi berkata ia mungkin berlaku lagi tetapi tidak dalam masa terdekat.

"Keadaan sekarang adalah terkawal tetapi gegaran mungkin akan berlaku lagi tetapi bukan dalam masa sekarang mungkin ia akan berlaku dalam masa setahun dua ini," katanya.

Katanya, walaupun berlaku gegaran pada skala yang lebih tinggi ia tidak akan mencetuskan tsunami kerana ia (tsunami) hanya berlaku di kawasan lautan.

"Saya pasti pihak yang menyelenggara empangan mempunyai pelan tindakan yang khusus bagi memastikan semua keadaan terkawal dan penduduk sekitar adalah selamat sekiranya gegaran melanda kawasan tersebut," katanya.

-- BERNAMA



Gempa Bumi: Tiada Tanda Kerosakan Struktur Empangan Kenyir



Pemandangan Tasik Kenyir dari udara (Gambar fail Bernama)

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Pemeriksaan awal di Stesen Kuasa Elektrik Hidro Sultan Mahmud di Kenyir (Empangan Kenyir) mendapati tiada sebarang kesan fizikal akibat daripada gegaran gempa bumi lemah berukuran 2.7 pada skala Richter yang dikesan di Tasik Kenyir.

"Tiada sebarang tanda kerosakan struktur yang mungkin menjejaskan integriti dan kestabilan empangan itu," kata Tenaga Nasional Bhd (TNB) yang membina dan memiliki empangan itu.

Syarikat itu berkata semasa kejadian gempa bumi tersebut yang berlaku pukul 9.25 malam tadi dan dilaporkan oleh [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), instrumentasi empangan itu mengesan aktiviti seismik sangat rendah, jauh di bawah had selamat reka bentuk empangan itu.

"Berikutan insiden tersebut, satu pemeriksaan menyeluruh ke atas empangan itu dan kemudahan berkaitannya sedang dijalankan," kata syarikat utiliti nasional itu dalam satu kenyataan hari ini.

Semua empangan yang dibina TNB mampu menahan aktiviti seismik berskala rendah dan sederhana mengikut piawaian antarabangsa.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Sederhana Di Halmahera, Indonesia

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter berlaku di Halmahera, 35 kilometer dari timur laut Ternate, Indonesia pada 4.52 pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam laman web rasminya berkata pusat gempa berada pada koordinat 1.1 utara, 127.5 timur atau 1,065 kilometer tenggara Semporna, Sabah.

Tiada ancaman tsunami dikeluarkan susulan kejadian gempa itu.

-- BERNAMA